

21 JUN 2003

Umno-Gulung (Muhyiddin)

MUHYIDDIN JANJI TIDAK AKAN MENCABAR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin menggunakan platform Perhimpunan Agung Umno ke-54 melafazkan ikrarnya untuk tidak mencabar timbalan pilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan berjanji memberikan sokongan padu kepadanya.

Beliau juga bertekad memberikan sokongan padu kepada Abdullah apabila Abdullah menyandang jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno kelak.

Muhyiddin berkata beliau yakin Abdullah mampu memikul tanggungjawab jawatan nombor satu dalam kerajaan dan parti.

"Sir, you definitely can do it (Tuan, anda pasti boleh melakukannya)," katanya disambut tepukan gemuruh ribuan anggota perwakilan semasa menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang berakhir hari ini.

"Secara terbuka, saya tidak akan mencabar sesiapa. Kenapa...tak percaya ke," beliau berjenaka dengan meniru kata-kata dalam sebuah iklan (tagline) televisyen sebuah bank tempatan.

"Bahawa kenyataan yang saya buat di luar saya perlu ulangi di sini sebagai rekod. Yang penting bukan di luar, tetapi di persidangan yang mulia ini. Ia lahir dari hati saya yang tulus dan ikhlas," katanya.

Muhyiddin berkata walaupun secara tradisi sebagai naib presiden beliau berkelayakan untuk terpilih tetapi "berlapang dada" untuk membiarkan Abdullah membuat pilihan.

Apa yang penting ialah memastikan kesinambungan kepimpinan untuk memperkukuhkan parti dan negara, katanya.

Beliau berkata kepimpinan Abdullah dan timbalannya perlu disokong kerana gandingan itu perlu bekerja keras bagi membantu orang Melayu, Umno dan kerajaan.

"Apakah kita tidak boleh membantu, hanya setakat tidak bertanding atau mencabar jawatan yang telah dipilih oleh beliau (Abdullah)," katanya sambil menegaskan bahawa sokongan tanpa berbelah-bagi perlu diberikan kepada kepimpinan baru dan diterjemahkan sewaktu pilihan raya umum nanti..

Muhyiddin berkata beliau menyerahkan kepada ketentuan Allah dalam hal pemilihan itu. "Naik atau turun ke, itu ditentukan Allah," katanya.

Beliau turut mencadangkan agar jawatan presiden parti tidak dipertandingkan.

Muhyiddin juga mengambil kesempatan untuk mewakili banyak pihak memohon maaf kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata adalah wajar meminta maaf kepada presiden ekoran kegagalan untuk melaksanakan banyak rancangan yang telah beliau gariskan untuk kemajuan orang Melayu.

"Saya mewakili saudara-saudari sekalian memohon maaf pada bapak presiden, kerana kita lemah, kita tidak berjaya memenuhi idaman dan cita-cita presiden, kita telah melakukan kesilapan dan tidak mendengar nasihatnya dari semasa ke semasa," katanya.

Muhyiddin mengakhiri ucapannya dengan membaca doa yang ditujukan khas kepada presiden yang diaminan oleh anggota perwakilan.

"Saya tidak pandai bersajak, saya tidak pandai berseloka. Saya dianggap serius selalu. Muka jarang-jarang manis," katanya menjelaskan kenapa beliau memilih untuk membaca doa dan tidak membaca sajak atau berpantun seperti pemimpin yang lain.

-- BERNAMA

LES KHY RON

